

11/08/2003

Jangan bergaduh (HL)

Kadir Dikoh; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan parti komponen Barisan Nasional (BN) jangan mempersoalkan sebarang keputusan berhubung pengagihan kerusi di kalangan mereka bagi menghadapi pilihan raya umum nanti.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, parti-parti komponen tidak harus bergaduh sesama sendiri apabila keputusan pengagihan kerusi dibuat, sebaliknya mereka perlu berkorban sedikit demi kemenangan parti.

"Setelah calon itu dipilih, anggaplah ia calon BN tanpa mengira kaum mana kerana dia adalah calon BN," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-50 di Wisma MCA di sini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pemimpin parti komponen BN serta pemimpin veteran MCA termasuk presiden seumur hidup Tan Sri Lee San Choon.

Dalam ucapan selama 33 minit itu, Dr Mahathir turut menggamatkan 2,000 perwakilan di Dewan Lee San Choon Wisma MCA apabila ucapannya dianggap merujuk kepada pergeseran antara MCA dengan Gerakan di Pulau Pinang.

"Abang tentu sayangkan adik dan adik pula janganlah buat kacau. Segalagalanya akan ditentukan oleh BN," katanya tanpa menyebut nama parti berkenaan.

Baru-baru ini, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, dipetik sebagai berkata, MCA sepatutnya berfungsi sebagai 'abang' untuk melindungi 'adiknya', Gerakan, yang diberi tanggungjawab memerintah Pulau Pinang, bukannya mencetuskan kekacauan di negeri itu.

Pada sidang media kemudiannya, Dr Mahathir yang diminta menjelas lanjut ucapannya itu, berkata beliau hanya berseloroh dan menyatakan kedua-dua parti itu tidak mempunyai masalah.

Ditanya sama ada MCA dan Gerakan perlu bertukar-tukar kawasan pilihan raya terutama di Pulau Pinang, beliau berkata perkara itu akan diputuskan oleh Dewan Tertinggi BN.

"Kita mempunyai kawasan baru, jadi kita terpaksa... mungkin menukar beberapa orang (wakil rakyat) untuk beralih tempat kerana beberapa kawasan kini menjadi kecil berbanding sebelum ini. Namun, kita tidak mahu menjadikan ini sebagai isu," katanya.

Perdana Menteri berkata, masih banyak masa untuk membincangkan soal pengagihan kerusi itu dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menentukan tarikh pilihanraya umum akan datang.

Katanya, terserah kepada Abdullah untuk menentukannya kerana beliau sendiri sibuk untuk Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini dan terpaksa melawat ke luar negara dalam tempoh terdekat.

"Terlalu banyak negara menjemput saya untuk melawat sebelum saya meletak jawatan. Jadi saya adalah orang paling sibuk. Ribuan orang mahu jumpa saya dengan masalah mereka, masalah peribadi, masalah perkahwinan, semua nak jumpa saya," katanya berseloroh.

Dr Mahathir bagaimanapun menolak kemungkinan pilihan raya umum akan datang diadakan sebelum beliau meletak jawatan Oktober ini.

Mengenai tindakan MCA untuk menghadkan tempoh presiden parti itu kepada hanya sembilan tahun, Dr Mahathir berkata ia sesuai untuk MCA tetapi tidak semestinya sesuai untuk parti-parti lain.

"Umno buat masa ini tidak ada masalah. Saya sudah jadi Presiden Umno selama 22 tahun. Jika kita menghadkan tempoh itu, saya tidak akan jadi Presiden... tak boleh jadi Presiden, juga tidak boleh jadi Perdana

Menteri, maka anda menghadkan jawatan Perdana Menteri saya, tak bolehlah," katanya sekali lagi berseloroh.

Beliau memberi contoh, jika jawatan pemimpin dipegang untuk tempoh tertentu seperti lima tahun, tahun pertama digunakan untuk belajar selok belok mentadbir negara atau parti, tahun kedua bagi menyesuaikan diri, tahun ketiga bersiap untuk pilihan raya, tahun keempat untuk berkempen dan selepas itu, sudah tiba tahun terakhir perkhidmatan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata bahawa had sembilan tahun bagi Presiden MCA memegang jawatan itu "adalah masa yang cukup untuk melakukan apa yang mereka hendak lakukan".

Dalam ucapannya pada perhimpunan itu, Dr Mahathir turut melahirkan rasa gembira kerana MCA dapat menyelesaikan masalah dalamannya dengan cara tersendiri dan dicapai sebelum pilihan raya diadakan.

Sambil memuji bekas Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan bekas Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek yang melepaskan jawatan masing-masing demi kepentingan parti, beliau berkata tindakan mereka adalah pengorbanan yang mulia.

"Lupakan perkara yang berlalu... tidak guna simpan dalam hati," kata Dr Mahathir yang turut menekankan pentingnya MCA bersatu sebagai parti yang mewakili kaum Cina dalam BN.

Beliau menyatakan keyakinan terhadap kemampuan Ong, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Chan, yang menggantikan Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan, untuk memimpin MCA.